

Headline	Lahir 325,000 usahawan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Bisnes	Color	Full Color
Page No	34	ArticleSize	223 cm ²
AdValue	RM 8,236	PR Value	RM 24,708



Lahir 325,000 usahawan

TEKUN sedia peruntukan RM15 juta bermula tahun depan hingga 2020

Oleh Sharifah Norfaezah Wan
Ahmad Makki Mashor
norfaezah@hmetro.com.my
Masjidi L. wong@pearl

Tekun Nasional (TEKUN) menyediakan peruntukan sebanyak RM15 juta bermula tahun depan hingga 2020 untuk membiayai modal dan melatih usahawan muda khususnya lepasan siswazah dalam usaha menambah penyertaan golongan berkenaan dalam industri keusahawanan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Abdul Rahim Hassan berkata, pelaksanaan yang disenaraikan di bawah 10 Perancangan Strategik itu bakal menumpu ke arah bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi hijau dan sektor seumpamanya.

“Kita mengunjurkan pe-

nambahan sebanyak 325,000 orang usahawan dalam tempoh ini, sekaligus membolehkan matlamat melahirkan 600,000 usahawan tercapai.

“Siswazah akan diberi pendedahan kepada dunia perniagaan dan inovasi menerusi pelbagai program termasuk melalui kursus di Akademi Keusahawanan TEKUN dan apabila tamat pengajian mereka boleh menggunakan pembiayaan ini,” katanya.

Menurutnya, untuk tujuan itu beberapa agensi kerajaan akan bekerjasama termasuk Agro Bank, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan institusi pendidikan seperti

Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Beliau berkata, setakat ini pihaknya sudah melahirkan seramai 275,000 usahawan sejak 1998 yang mana 70 peratus daripadanya berusia 45 tahun ke bawah, membabitkan pinjaman berjumlah RM1.7 bilion dan mencatatkan pulangan semula pembiayaan sebanyak RM2.8 bilion.

Katanya, sehingga 31 Oktober tahun ini, TEKUN sudah membiayai 39,000 usahawan membabitkan jumlah peruntukan sebanyak RM482.1 juta dengan sektor terbesar adalah perkhidmatan dan peruncitan

(70 peratus) dan masing-masing 10 peratus bagi sektor pertanian, pembuatan dan kontrak.

Abdul Rahim berkata, modal berkenaan adalah tambahan dana khas yang tidak merangkumi dana pembiayaan sebanyak RM700 juta bagi tempoh 2014 hingga 2015 sebagai langkah menarik lebih ramai penyertaan golongan muda sebagai usahawan.

Antara rancangan strategik lain ialah menyalurkan pinjaman seberapa banyak dengan lebih mudah, cepat dan berinovatif, membentuk jaringan dan mewujudkan kerjasama di kalangan usahawan menerusi Kelab Komuniti Usahawan TEKUN (KKUT).

Headline	Lahir 325,000 usahawan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Bisnes	Color	Full Color
Page No	34	ArticleSize	223 cm ²
AdValue	RM 8,236	PR Value	RM 24,708

